

## *Keberkesanan Strategi SPN Dalam Merangsang Perbualan Lisan Melalui Portal SLS*

**Siti Khadijah Ahmad**

siti\_khadijah\_ahmad@schools.gov.sg

**Fatihah Johari**

fatihah\_johari@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Fengshan**

### *Abstrak*

Portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) merupakan portal yang memainkan peranan penting semasa penutupan sekolah akibat pemutus rantaian jangkitan COVID-19. Guru-guru perlu memantapkan penguasaan ICT semasa menyiapkan bahan untuk Pembelajaran di Rumah (HBL). Dalam kajian ini, guru dapat meneliti sejauh mana penggunaan portal SLS dapat membantu murid dalam pembelajaran lisan. Murid diperkenalkan dengan strategi SPN (Sebab, Pendapat dan Nilai) sebagai pengukuhan untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan. Dapatan kajian menunjukkan perbualan murid menjadi lebih berstruktur dan mempunyai perluasan isi yang amat baik. Murid juga lebih yakin dan berjaya meluaskan idea semasa perbualan.

Kata Kunci: SLS, interaksi lisan, strategi SPN



## PENGENALAN

Sebaik sahaja Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) mengumumkan pelaksanaan Pembelajaran Di Rumah atau *Home Based Learning* (HBL) sepenuhnya pada tahun 2020, guru perlu bersiap sedia untuk menyiapkan bahan-bahan pengajaran secara dalam talian. Sungguhpun ia bukan satu perkara yang mudah, tanggungjawab ini perlu digalas dengan sebaiknya. Guru perlu mengasah penguasaan ICT untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku seperti biasa. Guru melaksanakan gabungan pengajaran secara *asynchronous* dan *synchronous* bagi memastikan pelaksanaan PdP yang berkesan. Guru menyiapkan bahan pengajaran, memastikan murid-murid membuat tugas yang diberikan sekali gus memantau pembelajaran murid secara *asynchronous*. Para guru perlu melakukan semua ini tanpa adanya interaksi secara bersemuka seperti yang berlaku di dalam bilik darjah.

Justeru, penggunaan templat pembelajaran dalam portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) yang menekankan kemahiran pemikiran kritis dengan lebih mendalam, khususnya kemahiran meluaskan idea dalam memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh untuk melibatkan murid dalam proses pembelajaran secara aktif. Pengajaran dan penerangan guru dalam pakej pembelajaran ini digantikan dalam bentuk rakaman video menggunakan PowerPoint dan *Loom*. Selain itu, strategi pengajaran ‘Sebab, Pendapat, Nilai (SPN)’ juga turut diterapkan dalam kajian ini bagi membantu proses pemikiran murid secara kritis serta meningkatkan kebolehan murid dalam melakukan tugas secara sendiri. Sesi pengajaran secara *synchronous* melalui sidang Zoom juga dikendalikan untuk menilai pembelajaran secara individu dalam bahagian perbualan lisan.

Salah satu ciri yang perlu ada pada setiap murid untuk kemahiran abad ke-21 adalah bertutur dengan yakin. Format penilaian PSLE (2016) mengandungi komponen perbualan berdasarkan klip video. Dalam bahagian ini, murid dinilai menurut respons dan bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan pemeriksa. Namun, kumpulan murid pada aras kebolehan dan praaras kebolehan sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan-soalan yang ditanyakan. Perkara ini berlaku kerana mereka tidak berupaya



meluaskan idea utama mereka berdasarkan apa yang mereka tonton dalam klip video. Disebabkan rintangan tersebut, murid tidak berupaya memberikan jawapan yang kukuh dalam bahagian perbualan berasaskan video.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perbualan lisan merupakan salah satu komponen penting dalam pembelajaran bahasa. Setiap murid pada peringkat akhir sekolah rendah perlu memiliki kemahiran ini. Tambahan pula, murid juga perlu diterapkan dengan ciri-ciri kemahiran abad ke-21 iaitu penutur yang yakin. Di Sekolah Rendah Fengshan, guru-guru mendapati murid-murid di peringkat Darjah 6 masih belum berupaya untuk meluaskan idea mereka dalam perbualan dan memberikan contoh-contoh yang kukuh. Hal ini berlaku kerana perbualan murid-murid terbatas hanya kepada apa yang mereka tonton sahaja dalam klip video dan tidak dapat mengembangkan idea utama tersebut.

Di peringkat Darjah 5, murid-murid telah didedahkan kepada satu strategi CMN (Contoh, Mengapa dan Nilai) dalam pengajaran lisan berdasarkan video. Menerusi strategi ini, murid melibatkan diri secara langsung dalam pembelajaran apabila pertanyaan diajukan kepada mereka. Antara kepentingan strategi ini, murid dapat meningkatkan kemampuan berfikir mereka dan dapat memfokuskan jawapan mereka kepada soalan-soalan yang diajukan. Teknik pemikiran secara kritikal ini dapat merangsang murid untuk terus berfikir dengan lebih aktif dan tidak mempunyai kesukaran untuk meluaskan jawapan mereka dalam bahagian perbualan berdasarkan video. Pada peringkat selanjutnya, iaitu di peringkat Darjah 6, murid telah didedahkan kepada strategi SPN (Sebab, Pendapat, Nilai). Hal ini penting untuk meneruskan usaha meningkatkan keupayaan berfikir murid dalam memberikan sebab, pendapat dan mengaitkan aspek nilai dalam perbualan lisan mereka.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan strategi SPN dalam meningkatkan keupayaan berfikir murid;



2. menilai keberkesanan penggunaan portal SLS dalam pembelajaran lisan sewaktu penutupan sekolah; dan
3. mewujudkan budaya berfikir dan bertutur secara berstruktur.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak sekolah di Singapura yang menggunakan strategi yang berstruktur untuk menjana idea bagi bahagian perbualan lisan. Menurut Ron Ritchhart and David Perkins (2008), untuk memupuk kemahiran berfikir, adalah amat perlu untuk menjadikan pemikiran jelas dalam kalangan murid. Pemikiran selalunya berlaku dalam fikiran dan tidak dapat dilihat oleh orang lain, dan diri sendiri. Strategi pemikiran yang berstruktur dapat menjadikan pemikiran murid jelas. Murid boleh meluahkan pemikiran mereka melalui lisan atau penulisan. Pemikiran yang jelas juga menekankan aspek pendokumentasian pemikiran untuk tujuan refleksi.

Menurut Al-Mahrooqi dan Troudi (2014) pula, penerapan teknologi komputer dalam pengajaran bahasa menyediakan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan murid. Ini membolehkan pentadbir kursus dan guru untuk mengubah gaya pengajaran untuk memberi motivasi kepada murid yang mempunyai pelbagai minat dan menyediakan peluang belajar di luar kelas. Selain itu, mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran bahasa bukan sahaja dapat mengurangkan pemahaman berpusatkan guru dan kegelisahan murid ketika pembelajaran bahasa, tetapi juga mendorong pelajar untuk mengambil risiko dalam mempraktikkan bahasa sasaran kerana mereka mahir digital.

Berk (2009), menyarankan penggunaan klip video sebagai bahan pengajaran agar murid boleh melalui pengalaman kognitif yang luar biasa dan kesan emosi semasa proses pembelajaran berlangsung. Menurut beliau, antara keistimewaan penggunaan klip video ialah ia dapat menarik perhatian, menjana minat, membantu melakar imaginasi, menggalakkan kreativiti dan meningkatkan pemahaman murid mengenai kandungan video tersebut. Di samping itu, bahan video juga berupaya menggalakkan pembelajaran yang mendalam dan menyeronokkan.



## KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang telah digunakan ialah teknik pemikiran kritikal agar murid dapat menjawab soalan-soalan lisan berdasarkan video dengan lebih terperinci. Strategi ini membantu murid mencungkil idea utama dan meluaskannya supaya murid-murid dapat menjawab soalan-soalan yang diajukan.

Dengan menggunakan strategi SPN (Sebab, Pendapat dan Nilai), murid-murid dapat mengatur perbualan mereka dengan lebih terperinci dan konsisten. Mereka juga dapat meluaskan idea untuk perbualan mereka berdasarkan tajuk yang telah diberikan. Melalui sidang Zoom, pemerhatian guru terhadap prestasi murid dalam bahagian perbualan dijadikan kayu ukur dalam penilaian secara individu untuk komponen lisan.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Bahasa Melayu Darjah 6 yang memiliki aras kebolehan sederhana. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam menjawab jenis-jenis soalan yang diajukan dalam bahagian perbualan lisan berdasarkan video. Murid-murid juga didedahkan kepada strategi ini supaya mereka lebih yakin apabila mereka bertutur.

### Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada aplikasi *Dropbox* yang dimuat turun ke dalam portal SLS. Melalui aplikasi ini guru menerangkan penggunaan templat rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya' yang telah diubah suai kepada strategi 'SPN [Sebab, Pendapat (Mengapa) dan Nilai]' mengikut keperluan pembelajaran, aplikasi *Google Docs* dan templat Soalan Audio Respons dalam portal SLS. Strategi ini amat berkesan bagi murid-murid meluaskan perbualan berdasarkan gambar. Penggunaan portal SLS juga telah ditekankan akibat penutupan sekolah yang berlaku disebabkan pemutus rantai jangkitan COVID-19. Guru-guru juga telah memilih dan membina sendiri bahan-bahan untuk pembelajaran interaksi-lisan dalam talian.



Aplikasi-aplikasi ini dipilih dalam portal SLS kerana ia berperanan sebagai instrumen kajian serta murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penggunaan templat SPN dalam templat kolaborasi menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam berdasarkan video yang dilampirkan. Aplikasi *Google Docs* yang disertakan dalam templat kolaborasi pula menggalakkan murid bekerjasama secara aktif dengan lebih berkesan manakala templat Soalan Audio Respons pula menguji murid dalam memberikan respons peribadi mereka dan secara langsung membuat penilaian sendiri terhadap hasil kerja yang telah dilaksanakan.

## **Prosedur Kajian**

### Langkah Pertama: Peringkat Induksi

Pada peringkat induksi pengajaran, guru menggunakan klip video untuk menunjukkan isi bagi pelajaran lisan. Setelah melaksanakan aktiviti menonton video, berbincang dan mendapatkan respons daripada murid, guru menggunakan contoh-contoh rutin berfikir Sebab, Pendapat (Mengapa) dan Nilai untuk menjawab soalan-soalan lisan. Guru memodelkan (*modelling*) kepada murid manakala murid pula belajar secara aktif cara-cara menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan menggunakan rutin berfikir yang telah dipelajari. Guru mengubah suai templat rutin berfikir Lihat-Fikir- Tanya dalam portal SLS dengan SPN untuk menggalakkan murid berfikir secara kritis sehingga mereka dapat menjawab soalan dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

### Langkah Kedua: Modeling dan Kolaborasi

Dalam aktiviti kedua, murid membaca soalan lisan berdasarkan video yang telah dimuat turun oleh guru. Guru sebagai fasilitator memastikan murid memahami soalan yang dibaca dengan memberikan penerangan kepada soalan yang telah disediakan. Guru kemudian membuat modeling sebagai langkah pengajaran secara eksplisit sebelum murid membuat aktiviti berkolaborasi menggunakan aplikasi *Google Docs*. Melalui modeling, murid-murid akan dapat melihat secara keseluruhan cara sesuatu perbualan itu



dikembangkan. Berdasarkan pengajaran eksplisit tersebut, murid berbincang secara berkumpulan menggunakan strategi SPN untuk menjawab soalan lisan tersebut. Murid mencatatkan hasil perbincangan. Murid kemudian meneliti catatan hasil kumpulan lain. Guru melaksanakan perbincangan bersama murid untuk menilai hasil kerja setiap kumpulan dan murid memberikan penilaian terhadap setiap hasil kerja kumpulan berpandukan penilaian rubrik yang diberikan.

Penggunaan portal SLS telah menjadi wadah yang penting. Portal SLS dijadikan sebagai platform dalam talian dengan alat dan sumber yang sesuai dengan kurikulum untuk semua murid belajar mengikut rentak pembelajaran mereka sendiri dan bekerjasama atau berkolaborasi dalam talian. Portal SLS menanam sikap bertanggungjawab atas pembelajaran murid sendiri dan dilatih untuk memupuk tabiat dan kemahiran demi mempersiapkan diri mereka untuk belajar sepanjang hayat. Rajah 1 memaparkan latihan lisan yang disediakan oleh guru menggunakan Portal SLS.

**Rajah 1 : Latihan Lisan - Menonton Video**




The screenshot displays a user interface for a learning management system. At the top left, the user's name '9. Danish Hisham' is shown. Below it, a text block provides instructions: 'Semua yang masuk akan berada dalam waiting room, sama caranya semasa awak menunggu giliran untuk peperiksaan E-oral. Sementara menanti harap ulangkaji soalan 1,2 dan 3. Pastikan juga awak menonton video lisan ini dan membuat persilapan sebelum diuji oleh Cikgu Fatimah dan Cikgu Dilah. Selamat maju jaya!'. The main area features a video player showing a modern building with a large overhang and columns. On the right side, there is an 'Activity List' sidebar with the following items: 'Introduction', 'Video Penerangan Soalan 3', 'Sesi Zoom Kumpulan A (nombor1-...', 'Sesi Zoom Kumpulan B (nombor 1...', and 'Completion'. A small circular icon is visible in the bottom right corner of the video player area.

Rajah 2 merupakan latihan atau soalan bagi menggalakkan murid untuk memberikan pendapat dengan memberikan sebab dan bagaimana sesuatu isu berkaitan dengan topik dihuraikan.



## Rajah 2 : Latihan Lisan - Imbas Balik Strategi SP



### Langkah 3: Penelitian dan Refleksi

Dalam langkah ini, guru melakukan pemerhatian, penelitian dan refleksi mengenai pembelajaran yang dilalui murid. Guru juga melaksanakan aktiviti untuk mendapatkan maklum balas murid mengenai pembelajaran yang telah mereka lalui.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Setelah melaksanakan pengajaran menggunakan templat pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam portal SLS bagi pengajaran lisan berdasarkan klip video dan penggunaan strategi SPN, guru melakukan pemerhatian, penelitian dan refleksi. Secara keseluruhan, dapatan melalui penilaian formatif seperti rubrik dan tinjauan yang dilaksanakan menunjukkan murid dapat menjawab soalan lisan dengan terperinci dan menyeluruh.

Jadual 1 yang berikut merupakan dua contoh hasil kerja murid menggunakan strategi SPN berdasarkan soalan yang diajukan menggunakan templat rutin berfikir yang telah diubah suai dalam portal SLS. Guru mendapati penggunaan strategi SPN membantu murid untuk berfikir secara berstruktur dalam mengembangkan pendapat mereka dengan memberikan sebab dan cara bagaimana sesuatu isu dapat dijelaskan dengan lebih terperinci.



**Jadual 1: Hasil Kerja Murid Menggunakan Strategi SPN**

Pelajar A	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Seorang budak perempuan sekolah menolong makcik mengangkat barang yang berat.</li><li>2. Seorang budak perempuan sekolah menolong pakcik yang sudah tua. Pakcik itu sedang beratur untuk membeli makanan. Budak sekolah itu meminta izin pada orang yang sedang beratur agar memberi pakcik dahulu untuk membeli makanan.</li><li>3. Seorang budak sekolah membantu mengangkat beg palstik.</li></ol>
Pelajar B	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Saya lihat ada warga emas mengangkat plastik beg yang berat.</li><li>2. Budak perempuan itu menunggu bas untuk pulang ke rumah</li><li>3. Budak perempuan itu menolong warga emas itu.</li></ol>
Pelajar C	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Saya lihat seorang budak perempuan menolong seorang makcik.</li><li>2. Budak perempuan itu baik hati hendak menolong pakcik tua yang sedang beratur itu.</li></ol>

Melalui penggunaan strategi SPN, guru mendapati bahawa murid dibantu dan dibiasakan untuk menyusun idea mereka dengan berstruktur dan baik. Hal ini penting demi membiasakan dan meningkatkan budaya befikir secara kritiis dalam kalangan murid. Penggunaan strategi SPN dan templat rutin bferikir dalam portal SLS menyokong usaha membiasakan murid bferikir secara tersusun dan kritis.

Pada mulanya, murid-murid kelihatan tidak yakin tetapi setelah melakukan beberapa pusingan, guru dapat melihat perubahan pada jawapan murid-murid bagi soalan-soalan yang dikemukakan untuk bahagian perbualan. Jadual 2 menunjukkan respons yang amat positif terhadap strategi SPN yang telah diterapkan. Strategi ini juga telah didedahkan kepada murid-murid pada awal tahun. Lantaran, strategi SPN ini telah menjadi rutin apabila mereka menjawab soalan interaksi lisan.



**Jadual 2: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Murid**

	<b>Sangat Boleh</b> %	<b>Boleh</b> %	<b>Hampir Boleh</b> %	<b>Masih Mencuba</b> %
Saya boleh ...				
1. mencungkil idea utama dalam video dan soalan lisan	92.8 (26)	7.2 (2)	0	0
2. menggunakan teknik pemikiran (Sebab, Pendapat, Nilai) untuk berkolaborasi dengan anggota kumpulan	89.2(25)	10.8 (3)	0	0
3. menggunakan strategi SPN (Sebab, Pendapat, Nilai) untuk menyelesaikan aktiviti sendiri	89.2 (25)	10.8 (3)	0	0
4. menggunakan aplikasi SLS dengan baik	100 (28)	0	0	0

Nota : Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menepati objektifnya, murid-murid telah dapat memberikan isi-isi perbualan yang bermutu dan jelas serta menggunakan contoh-contoh yang kukuh melalui penggunaan portal SLS. Portal SLS juga jelas membantu guru memberikan maklum balas dalam talian yang terperinci dan berkesan kepada murid untuk menilai peningkatan kemahiran bertutur murid. Dalam meningkatkan lagi kemampuan murid untuk menggunakan strategi SPN ini dengan berkesan, murid-murid juga telah didedahkan kepada penggunaan penanda wacana yang sesuai. Penggunaan strategi ini juga telah membantu murid-murid memperbaiki kebolehan mereka mengembangkan idea mereka dengan amat baik.

Kajian ini bukan hanya menggalakkan pembelajaran sendiri tetapi juga pembelajaran secara kolaboratif (kerja kumpulan) melalui penggunaan portal SLS. Penggunaan tool *audio response* dalam portal SLS telah juga membina keyakinan murid semasa bertutur. Murid yang jarang bertutur juga didapati berbicara dengan baik menggunakan audio respons. Dengan ini, portal SLS berfungsi sebagai bahan yang dapat membantu menarik minat murid untuk belajar. Penggunaan teknologi, telah membuat murid-murid lebih terpandu untuk lebih fokus dalam pembelajaran yang dekat dengan jiwa mereka. Tambahan, penggunaan portal SLS juga dapat menggalakkan komunikasi

antara murid dan guru yakni maklum balas secara langsung daripada guru kepada murid.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Hafidah Mahat
2. Hazliana Mahat
3. Raba'ah Ismail

## RUJUKAN

Academy of Singapore Teachers (2019) Evidence Gathering Guide. Dipetik pada 19 Julai 2019 dari kursus dalam talian OPAL- Using Technology to Gather Evidence of Student's Learning (LD 0121). D. Bentaa, G. Bologaa, I. Dzitac, dari *Procedia Computer Science* (2014).

E-learning Platforms in Higher Education. Case Study. Dipetik pada 12 414 Memanfaatkan Teknologi, Meningkatkan Pembelajaran November 2019 dari [http://univagora.ro/m/filer\\_public/2014/05/29/elearning.pdf](http://univagora.ro/m/filer_public/2014/05/29/elearning.pdf)

Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.

McKeown, M. G., dan Beck, I.L., (2004). Direct and rich vocabulary instruction dalam Practice hlm 13-27. New York: Guilford Press.

Participatory Educational Research (PER) Special Issue 2016-IV, pp., 73-77 November, 2016 Available online at <http://www.partedres.com> ISSN: 2148-6123

Robert J. Marzano dan Debra J. Pickering, (2005). *Building academic vocabulary: Teachers manual*. USA: ASCD.

Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on Experiential Learning. Dipetik pada 25 September 2012 dari <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>

